



GARIS PANDUAN BERHUBUNG PENGECCUALIAN CUKAI PENDAPATAN KEPADA INSTITUSI ATAU ORGANISASI KEAGAMAAN DI BAWAH PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) 2017 [*P.U.(A) 52/2017*]

1. PENGENALAN

- 1.1 Menteri Kewangan telah mengeluarkan suatu perintah di bawah perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) untuk mengecualikan bayaran cukai terhadap semua pendapatan yang diterima oleh mana-mana institusi atau organisasi keagamaan.
- 1.2 Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan dengan jelas maksud institusi atau organisasi keagamaan dan syarat-syarat yang melayakkan institusi atau organisasi keagamaan mendapat pengecualian cukai pendapatan di bawah subsubperenggan 13(1)(b) Jadual 6 kepada ACP berdasarkan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2017 [*P.U.(A) 52/2017*].

2. OBJEKTIF

Mana-mana institusi atau organisasi keagamaan yang memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bawah P.U.(A) 52/2017 adalah layak untuk menikmati pengecualian cukai pendapatan secara automatik dan tidak perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

3. INSTITUSI ATAU ORGANISASI KEAGAMAAN

Institusi atau organisasi keagamaan ertinya suatu institusi atau organisasi keagamaan-

- a) yang ditubuhkan di Malaysia semata-mata bagi maksud ibadat keagamaan atau pemajuan agama dan tidak dikendalikan atau dijalankan terutamanya dengan tujuan mendapatkan keuntungan; dan
- b) yang berdaftar dengan–
 - (i) Pendaftar Pertubuhan Malaysia; atau
 - (ii) di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang mengawal selia institusi atau organisasi berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual di bawah:

Bil.	Agama	Pertubuhan Agama Induk
1.	Islam (masjid/surau)	Majlis Agama Islam Negeri
2.	Buddha (tokong)	a) Malaysian Buddhist Association (MBA) b) Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM)
3.	Kristian (gereja)	Christian Federation of Malaysia (CFM) [Incorporating the Catholic Bishops Conference Of Malaysia (CBCM), Council Of Churches Of Malaysia (CCM) and National Evangelical Christian Fellowship (NECF)]

Bil.	Agama	Pertubuhan Agama Induk
4.	Hindu (kuil)	Malaysia Hindu Sangam (MHS)
5.	Sikh (gurdwara)	a) Malaysian Gurdwaras Council (MGC) b) Khalsa Diwan Malaysia (KDM)
6.	Tao (tokong)	Federation Of Taoist Associations Malaysia (FTAM)
7.	Lain-lain	Surat pengesahan oleh– a) Pertubuhan Agama Induk; atau b) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah Jabatan Perdana Menteri

4. PERKARA-PERKARA LAIN

- 4.1 Institusi atau organisasi keagamaan yang layak menikmati pengecualian cukai ini adalah dikecualikan daripada mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan di bawah seksyen 77 ACP mulai tahun taksiran 2017 dan seterusnya. Pengecualian ini terpakai kepada semua institusi atau organisasi keagamaan yang sedia ada atau yang baharu.
- 4.2 Walau bagaimanapun, institusi atau organisasi keagamaan masih tertakluk kepada peruntukan lain di bawah ACP selain daripada seksyen 77 ACP seperti mengemukakan Borang E (Majikan) kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mengikut tarikh yang ditetapkan, sekiranya institusi atau organisasi keagamaan tersebut membayar gaji kepada pekerja-pekerja.
- 4.3 Selain itu, institusi atau organisasi keagamaan ini masih tertakluk kepada semua peruntukan lain seperti seksyen 78, 80, 81 dan 82 di bawah ACP. Sehubungan itu, institusi atau organisasi keagamaan ini dikehendaki untuk

menyimpan dokumen pendaftaran institusi, maklumat aktiviti dan menyediakan akaun beraudit pada setiap tahun. Semua dokumen ini perlu disimpan oleh institusi atau organisasi keagamaan dengan teratur.

- 4.4 Institusi atau organisasi keagamaan juga perlu memastikan bahawa ianya tidak mengendalikan atau menjalankan sebarang aktiviti yang bermotifkan keuntungan.

5. KETIDAKPAKAIAN

- 5.1 Pengecualian ini **tidak terpakai** kepada mana-mana institusi atau organisasi keagamaan yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*].
- 5.2 Pengecualian ini juga **tidak menghalang** LHDNM dengan arahan pihak Kementerian Kewangan untuk membuat semakan audit dan meminta institusi atau organisasi keagamaan supaya mengemukakan laporan kewangan beraudit, perihal aktiviti keagamaan yang dijalankan atau mengemukakan lain-lain maklumat yang perlu dari semasa ke semasa.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 03 Oktober 2018

s.k: LHDN.01/35/42/51/179-1